



TALKING POINTS

LAWATAN KERJA YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

SIDANG MEDIA YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

8 JUN 2020 (ISNIN) / 3:30 PETANG

UCAPAN ALUAN

1. Mengucapkan terima kasih dengan kehadiran pengamal media ke sidang media dan ini adalah sesi pertama kalinya bersama di Labuan. Pasukan Media Labuan adalah sangat aktif dalam membantu Jawatankuasa Pengurusan Bencana WP Labuan dalam era PKP & Covid-19. Ini merupakan lawatan kerja yang pertama ke WP Labuan setelah memulakan tugas sebagai Menteri Wilayah Persekutuan sejak 10 Februari 2020. Namun penularan wabak Covid-19 dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 telah membantutkan cadangan untuk ke Labuan yang sepatutnya lebih awal lagi.
2. Lawatan kerja selama 3 hari ini (7 Jun – 9 Jun 2020) adalah bertujuan untuk:
 - a. Mendapatkan realiti keadaan pembangunan di Labuan dan gambaran lebih menyeluruh berkenaan situasi COVID-19 di WP Labuan semenjak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1 sehingga sekarang PKPB seterusnya PKP – pemulihan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Jun 2020;
 - b. Perancangan program pasca COVID-19 yang bakal dilaksanakan; serta
 - c. Meninjau dan melihat dengan lebih dekat pembangunan infrastruktur dan sosio ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan dari pelbagai aspek.

PELANTIKAN MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN (MPPWP) LABUAN

1. Sesi Penyampaian Surat Watakah kepada MPPWP baharu telah diadakan sebentar tadi (7 Jun 2020) di Bilik Cemerlang, Tingkat 4, Perbadanan Labuan.
2. Persempadanan Subzon MPPWP telah ditambah dari 3 subzon kepada 5 subzon.

3. Penyampaian surat watakah ini telah diserahkan kepada:
 - a. Pengerusi Zon MPPWP
 - b. 5 orang Pengerusi Subzon MPPWP
 - c. 5 orang Timbalan Pengerusi Subzon MPPWP
 - d. 5 orang Setiausaha Subzon MPPWP
4. Harapan agar kepimpinan lantikan baharu ini dapat memainkan peranan dan menerajui perubahan minda masyarakat warga Labuan, khususnya dalam usaha pembaharuan serta penambahbaikan yang dibawa oleh Kerajaan sejajar dengan cabaran dan amalan kehidupan dengan norma baharu untuk mencegah Covid-19.
5. Selain dari menyalurkan maklumat, maklum balas, aduan, masalah, permintaan atau keperluan penduduk kepada Kementerian dan Agensi, mereka juga memainkan peranan penting kepada Kementerian dan Perbadanan Labuan untuk mencari jalan penyelesaian terbaik.

PELAN PEMBANGUNAN EKONOMI LABUAN PASCA COVID-19

1. Perbadanan Labuan (PL) telah mengambil inisiatif awal dengan mengendalikan Mesyuarat Gerak Kerja Pemulihan Ekonomi pada 3 Jun 2020 bersama-sama 9 Jabatan Kerajaan yang berkenaan. Pada masa yang sama, PL juga turut melaksanakan kaji selidik industri dan perniagaan kesan Covid-19 di Labuan.
2. PL juga akan mewujudkan sejumlah 200-500 peluang-peluang pekerjaan baharu di Labuan sebagai inisiatif pemulihan dan merencanakan semula ekonomi di pulau ini dengan menyediakan beberapa strategi pelan pembangunan pasca Covid-19.
3. Pelan pembangunan ekonomi Labuan Pasca COVID19 meliputi beberapa sektor iaitu:
 - a. Sosio Ekonomi
 - i. Fokus kepada Pembangunan Usahawan Digital dengan menjalinkan kerjasama di antara jabatan/agensi kerajaan seperti SIRIM, MDEC, MPC dan MITI, NGO, Persatuan dan MPKK dalam menyokong usaha ini.
 - ii. Juga tumpuan PL adalah bagi mewujudkan lebih ramai usahawan IKS di Labuan dalam bidang produk makanan, *gig economy* dan perkhidmatan (sektor edu-tourism).
 - iii. Menyediakan kursus berkaitan kepada semua usahawan yang terlibat di samping membantu usahawan yang berpotensi untuk memulakan perniagaan.

- iv. Membenarkan *riders e-hailing* yang telah mendaftar dengan PL dan diluluskan semasa bulan Ramadan yang lalu untuk meneruskan perkhidmatan mereka kerana PL ingin menggalakkan sektor *e-commerce*.
- b. Pelesenan
 - i. Mewujudkan portal '*online business*' agar memudahkan urusan pelesenan dapat dilaksanakan di atas talian seperti permohonan / pendaftaran lesen dan pembayaran lesen.
 - c. Pelancongan
 - i. Pembangunan Perkhidmatan *Virtual Tourism* dengan mengenalpasti aktiviti berpotensi sebagai perintis dan pembangunan perkhidmatan maya dengan sektor lain agar dapat dioptimumkan.
 - ii. Pembangunan Tapak Geopark Labuan dan mengenalpasti aktiviti ekonomi yang boleh dibangunkan di sekitar tapak-tapak Geopark Labuan ini.
 - d. Pelaburan
 - i. Pajak tanah-tanah PL dengan melaksanakan beberapa projek penswastaaan dengan mengenakan kadar pajakan yang lebih berpatutan serta tempoh pajakan dipanjangkan.
 - e. Perancangan
 - i. Membenarkan pembangunan sementara berkaitan aktiviti ekonomi dijalankan di zon kediaman dan kawasan kampung.
4. Tambahan, dalam sektor kewangan dan perbankan masih memerlukan lebih 200 tenaga kerja untuk pengurusan pejabat di Labuan ini. PL dan Labuan FSA akan bekerjasama dalam membantu warga Labuan yang memerlukan atau mencari pekerjaan baharu pasca Covid-19.
 5. Juga, di bawah Kementerian Pertanian dan program Usahawan Muda Agro, Kerajaan menyediakan bantuan dana berjumlah RM20 ribu seorang yang berminat untuk menceburi sektor pertanian moden.
 6. Seterusnya, KWP dan PL telah memperuntukkan bajet pembangunan berjumlah RM15 juta bagi tahun ini dan PL telah mengambil tindakan untuk melaksanakan projek-projek kecil ini dengan kadar segera sebagai menggerakkan ekonomi Labuan secepat mungkin. Ini akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan kepada tenaga buruh dan juga kontraktor-kontraktor pembinaan serta perkhidmatan.

7. Terdapat juga beberapa projek swasta (7) yang telah ditawarkan dengan panggilan kertas cadangan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah PL kini dalam peringkat menyediakan dokumen perjanjian. Ini juga akan menjadi pemangkin ekonomi Labuan apabila dapat dilaksanakan secara berfasa kelak dianggarkan berjumlah RM300 juta.

PROGRAM-PROGRAM DI LABUAN

7 Jun 2020 (Ahad)

- Lawatan ke projek-projek rakyat
 - (i) Projek Jalan Pesisir Pantai Membedai
 - (ii) Projek Dewan Komuniti Kg.Patau-Patau 1 dan Naik Taraf Jalan Kampung serta Perjumpaan Dengan Komuniti Kampung
 - (iii) Lawatan ke Projek Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
 - Pengusaha produk berasaskan Ikan Tuna
 - Pemprosesan Ikan Bilis dan produk
- Taklimat Pembangunan dan Hala Tuju Perbadanan Labuan
- Majlis Penyampaian Watakah Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Labuan Sesi 2020/2021

8 Jun 2020 (Isnin)

- Sesi Temubual Khas YB Menteri WP di Konti Labuan FM, RTM
- Penyerahan Sumbangan Kepada Keluarga Asnaf di Sekitar Labuan (10 Keluarga)
- Lawatan ke Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)
- Sidang Media dan FB Live
- Sesi Dialog Bersama Dewan-Dewan Perniagaan Labuan